



MENGGALAKKAN PELAPORAN AWAL TINGKAH LAKU RADIKAL YANG DISYAKI

*Kit Sumber bagi
Menyokong Keluarga,
Rakan atau Individu
Prihatin*



KATA PENGANTAR

oleh Pejabat Program SGSecure dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri

Tuan/Puan,

Ancaman keganasan terhadap Singapura kekal tinggi. Ancaman daripada kumpulan pengganas dan ideologi ganas mereka tetap berterusan. Perkembangan di luar negara juga boleh menjejas landskap keselamatan kita kerana unsur ekstremis berupaya mengeksplotasi konflik luar negara dan memanfaatkan rasa tidak puas hati dalam kalangan rakyat untuk mempromosi naratif radikal mereka dan merekrut penyokong. Penyebaran ideologi radikal dalam talian telah memacu ancaman radikalisasi diri di Singapura.

Sesetengah daripada kita mungkin berdepan secara langsung dengan individu yang telah menjadi radikal atau mendengar tentang kes sedemikian daripada individu prihatin (cth. orang tersayang, rakan individu yang menjadi radikal), yang mungkin merujuk kepada kita untuk mendapatkan nasihat. Kewaspadaan dan kesediaan anda akan memainkan peranan penting dalam usaha membentengi diri kita daripada pengganasan dan ekstremisme.

Kit sumber ini bertujuan untuk memberi anda maklumat agar anda:

-  Mengenali tanda-tanda radikalisasi dan mengetahui proses yang berlaku selepas maklumat diberi;
-  Mampu menangani halangan yang menahan individu prihatin daripada melaporkan kes radikalisasi yang disyaki dengan memberikan jaminan kepadanya dan meredakan kebimbangannya; dan
-  Mengetahui saluran-saluran pelaporan agar anda dapat menasihati individu prihatin sewajarnya.

Kami berharap kit sumber ini berguna buat diri anda dan mendorong anda agar terus berwaspada dalam lingkungan pengaruh anda demi membantu kami memastikan Singapura kekal selamat dan terjamin. Terima kasih.



Hubungi kami melalui SGSECURE@oha.gov.sg jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang kit sumber ini. Jika seseorang yang anda kenali menunjukkan tanda-tanda radikalisasi, anda boleh menghubungi Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (1800-2626-473) untuk mendapatkan bantuan.

Kandungan

Apakah itu radikalisasi diri?	4
Apakah tanda-tanda radikalisasi?	6
Apakah yang akan berlaku selepas individu prihatin melaporkan individu yang telah menjadi radikal?	7
Apakah pendekatan bagi pemulihan?	8
Apakah yang harus saya lakukan apabila seseorang individu prihatin merujuk kepada saya untuk mendapatkan nasihat?	9
Apakah pandangan para pengamal yang berpengalaman?	11
Adakah terdapat kisah kejayaan dalam usaha pemulihan?	13

Apakah itu Radikalasi Diri?



Definisi radikalasi diri

Radikalasi diri berlaku apabila individu terdedah kepada propaganda ekstremis dan mula mempercayai ideologi di sebaliknya. Mereka kemudian bertindak mengikut ideologi tersebut yang sering menyeru agar **serangan ganas** dilakukan ke atas institusi, orang atau kumpulan tertentu, termasuk warganegara, kumpulan daripada kaum atau agama tertentu, atau pihak pemerintah.

Laman web dan wadah media sosial adalah pendaya utama ideologi radikal bagi mempengaruhi golongan rentan.



- Kandungan bersaiz kecil dan emotif mengekalkan daya tarikan ideologi radikal.
- Kemudahan akses memudahkan penyebaran bahan ekstremis secara meluas kepada pelbagai khalayak.
- Wadah dalam talian memudahkan individu berjinak-jinak dengan bahan ekstremis memandangkan individu boleh "Like", beri komen atau kongsi kandungan tersebut.

Peningkatan dalam kes melibatkan rakyat Singapura yang menjadi radikal secara sendiri.



2007

2014

2015

MAC 2023

11 individu telah ditangani di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Bilangan yang ditangani di bawah ISA telah meningkat kepada **37** individu.

Usia individu yang menjadi radikal secara sendiri juga **semakin muda**.



Sejak 2015, seramai **11** warga Singapura di bawah umur 20 tahun yang menjadi radikal secara sendiri telah ditangani di bawah ISA.

• Kes radikalasi diri pertama ditangani di bawah ISA.

2007

2014

2015

MAC 2023

Individu termuda yang ditahan setelah menjadi radikal secara sendiri berusia **20** tahun.

• Susulan kebangkitan ISIS.

2015

MAC 2023

Individu termuda yang ditahan berusia **15** tahun.

Beberapa kes radikalasasi di Singapura baru-baru ini

Dis 2020:

Lelaki Bangladesh berusia 26 tahun ditahan kerana terlibat dalam kegiatan berkaitan pengganasan dan disiasat atas kesalahan pembiayaan pengganasan.

2020

Dis 2020:

Belia lelaki Singapura berusia 16 tahun ditahan kerana merancang untuk menyerang umat Islam di dua buah masjid.

Mac 2021:

Belia lelaki berusia 20 tahun, yang marah dengan konflik Israel-Palestin, telah ditahan kerana membuat rancangan dan persediaan terperinci untuk melakukan serangan menggunakan pisau ke atas orang Yahudi di sebuah sinagog.

2021



Dis 2022:

Penyokong ISIS berusia 18 tahun telah ditahan kerana membuat tiga rancangan untuk menyerang sasaran di Singapura, termasuk menikam mati orang bukan Islam di lorong gelap.

2022

Apr 2022:

Lelaki Singapura berusia 29 tahun ditahan kerana merancang untuk menyertai keganasan bersenjata di luar negara.



Jan 2023:

Belia lelaki berusia 16 tahun telah dikenakan Arah Sekatan. Dia menjadi radikal setelah terdedah kepada propaganda ISIS dalam talian. Dia telah menguarkan sokongannya terhadap ISIS dengan mencipta dan memuat naik tiga video propaganda ISIS ke media sosial.

2023




Campur tangan awal adalah kunci bagi membantu individu yang telah menjadi radikal serta masyarakat secara amnya.

Apakah tanda-tanda radikalasi?

Individu boleh menjadi radikal **tidak kira usia, jantina, mahupun kumpulan etnik, agama atau sosio-ekonomi**. Masa merupakan faktor penting apabila seseorang menunjukkan tanda-tanda radikalasi. **Lazimnya, anggota keluarga, rakan dan teman sekerja berada di kedudukan yang terbaik untuk mengesahkan tanda-tanda radikalasi.**

Individu yang radikal sering menunjukkan beberapa kehaluan dan tanda-tanda yang ketara, seperti:

Memaparkan lambang atau simbol bagi menyatakan sokongan kepada kumpulan ekstremis/pengganas
cth. memaparkan bendera ISIS sebagai gambar profil di media sosial



Kerap melayari laman web radikal
cth. kerap ke laman web yang mengandungi propaganda pengganas dan video pendakwah radikal asing



Mengepos/berkongsi pandangan ekstremis di wadah media sosial, seperti merakamkan sokongan/pujian terhadap pengganas/kumpulan pengganas serta penggunaan keganasan
cth. menyatakan sokongan terhadap serangan di Christchurch Mac 2019 dan menggambarkan pelaku sebagai seorang "wira"



Berkongsi pandangan ekstremis dengan rakan dan saudara-mara
cth. mendakwa bahawa membunuh musuh agama adalah perbuatan yang sah



Membuat komen yang membangkitkan permusuhan atau kebencian terhadap golongan berlainan kaum atau agama



Meluahkan hasrat untuk mengambil bahagian dalam tindakan ganas di luar negara atau di Singapura
cth. menyatakan keinginan untuk berjuang di zon konflik luar negara atau melakukan serangan pengganasan di Singapura



Menghasut orang lain untuk mengambil bahagian dalam tindakan ganas



Mengikuti liputan media mengenai insiden pengganasan juga berfaedah kerana mungkin terdapat sumber berguna yang dapat membantu anda memahami ancaman pengganasan dan radikalasi, serta mengesahkan tanda-tanda yang mencurigakan.

Apakah yang akan berlaku selepas individu prihatin melaporkan individu yang telah menjadi radikal?

Apabila laporan dibuat, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (ISD) akan menjalankan pemeriksaan bagi **memastikan ketepatan maklumat yang diberi**, termasuk berbual dengan pemberi maklumat, jika boleh. **Identiti pemberi maklumat akan dilindungi**.



Tiada tindakan lanjut akan diambil jika siasatan mendapati individu tersebut **tidak radikal**.



Jika individu tersebut didapati **radikal pada tahap awal**, dia akan dirujuk untuk **kaunseling**, dan mungkin tidak perlu ditangani di bawah ISA.



Jika individu tersebut didapati menimbulkan **ancaman keselamatan**, dia akan ditangani di bawah ISA dan akan menjalani **pemulihan**. ISD mengambil **pendekatan yang menyeluruh dan holistik** dalam pemulihan para tahanan dan individu yang dikenakan Arahan Sekatan, yang merangkumi **pemulihan keagamaan, psikologi dan sosial**.

Pelaporan awal membantu individu yang radikal

menerima pemulihan secara holistik, intensif dan buat jangka panjang. Program pemulihan disesuaikan bagi setiap tahanan dan individu yang dikenakan Arahan Sekatan mengikut keadaan unik masing-masing, dengan kerjasama meluas antara pelbagai pihak berkepentingan bagi **memaksimumkan peluang untuk meraih kejayaan dalam pemulihan** setiap individu.



Apakah pendekatan bagi pemulihan?



KEAGAMAAN

- Sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan, semua tahanan dan individu yang dikenakan Arahan Sekatan mesti menghadiri sesi kaunseling keagamaan yang bertujuan menyampaikan ajaran dan tafsiran agama yang benar bagi membetulkan ideologi radikal mereka.
- Para tahanan juga diberi akses kepada bahan tambahan, seperti video ceramah dan buku tulisan para ulama dan asatizah.



PSIKOLOGI

- Sepanjang dalam tahanan mahupun selepas dibebaskan dengan Arahan Sekatan, para tahanan akan bekerjasama dengan pakar psikologi untuk menangani isu selain daripada isu ideologi, seperti kecenderungan mereka terhadap kebencian dan keganasan serta kerentanan mereka terhadap pengaruh radikal.
- Pakar psikologi juga sering menilai kemajuan mereka dari aspek tingkah laku dan kognitif, serta membantu membetulkan salah anggapan yang mendasari fahaman radikal mereka.



SOSIAL

- Para tahanan dibenarkan menerima kunjungan daripada anggota keluarga setiap minggu untuk menjaga ikatan kekeluargaan seberapa mungkin.
- Pegawai penjagaan lanjut ditugaskan untuk memberi sokongan sosial serta sokongan relevan lain kepada setiap keluarga.
- Pegawai kes ISD sering berinteraksi dengan para tahanan untuk memberi interaksi sosial dan sokongan tambahan, dan juga mengawasi mereka sepanjang tempoh Arahan Sekatan bagi membantu mereka kembali ke pangkuan masyarakat, lantas mengurangkan risiko mereka kembali ke jalan radikalasi.
- Kumpulan Penjagaan Lanjut Antara Agensi (ACG) menyediakan sokongan emosi, sosial dan kewangan kepada mereka yang ditangani di bawah ISA dan juga keluarga mereka melalui rangkaian pertubuhan kebajikan masyarakat.



Apakah yang harus saya lakukan apabila seseorang individu prihatin merujuk kepada saya untuk mendapatkan nasihat?

Anda akan **membantu individu prihatin** tersebut apabila anda menunjukkan bahawa anda juga prihatin.

CARE

C

[Create] Sediakan ruang yang selamat bagi individu prihatin berkongsi keprihatinan/kebimbangan/keraguan dengan anda.

Bincang di tempat yang sesuai.

- Bertemu secara bersemuka dengan individu prihatin adalah lebih baik bagi menjalin hubungan dan kepercayaan.



Yakinkan individu prihatin bahawa perkongsian itu akan dirahsiakan.

- Namun, laporan harus segera dibuat jika maklumat yang diberi menunjukkan terdapat ancaman nyata kepada nyawa dan harta benda.



Maklumi perasaan yang dialami oleh individu prihatin tersebut, cth. rasa bersalah, malu, takut, tidak pasti, serta cabaran yang dihadapinya untuk tampil ke hadapan. Tunjukkan rasa empati terhadapnya dan jangan bersikap menghakimi.



Beri pengesahan bahawa individu prihatin berkenaan melakukan perkara yang betul dengan tidak berdiam diri tentang rasa syak wasangkanya.



A

[Ask] Minta individu prihatin terangkan dengan lebih lanjut tentang rasa syak wasangkanya dan nilai sama ada ia menepati tanda-tanda radikalasi (rujuk halaman 6 bagi tanda-tanda radikalasi).



!@#*



R

[Reassure] Yakinkan individu prihatin bahawa pelaporan awal akan membolehkan pihak berkuasa bertindak segera untuk mengelakkan tragedi, termasuk ke atas individu radikal itu sendiri. Individu yang berisiko menjadi radikal dapat diberi bantuan, bimbingan dan kaunseling, sebelum mereka membahayakan diri sendiri dan/atau orang lain (rujuk halaman 7 bagi apa yang berlaku selepas laporan dibuat).

Elakkan daripada menilai individu radikal sebagai seorang pelaku/ pengganas. Sebaliknya, anggaplah individu itu sebagai orang yang tersesat jalan dan memerlukan bantuan.



Elak usulan/naratif yang memberi gambaran seolah-olah individu prihatin bertanggungjawab terhadap tingkah laku individu radikal atau laporan sepatutnya telah dibuat lebih awal (usah membuat individu prihatin rasa bersalah).



Terangkan bahawa beliau mengambil tindakan yang betul dengan membuat laporan demi kebaikan dan keselamatan individu tersebut dan masyarakat yang lebih luas, dan beliau bukan penyebab rakan/anggota keluarga meringkuk dalam penjara.



Kemukakan contoh kes terdahulu di mana individu radikal telah dilaporkan, bahaya dicegah, dan individu radikal dipulihkan (rujuk halaman 13 bagi beberapa contoh).



E

[Encourage] Galakkan individu prihatin ambil tindakan segera selepas sesi tersebut dengan menghubungi Pusat Memerangi Pengganasan ISD (1800-2626-473), Polis (1800-255-0000), membuat laporan menerusi aplikasi SGSecure, atau menghubungi Talian Bantuan Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG) (1800-774-774-7) (rujuk halaman 7 bagi apa yang berlaku selepas laporan dibuat).



Identiti pemberi maklumat akan dilindungi.



Jika terdapat tanda-tanda radikalasi, individu prihatin perlu diingatkan bahawa situasi tersebut harus dianggap sebagai satu kecemasan yang memerlukan bantuannya.



Ingatkan individu prihatin agar usah memberi kaunseling sendiri kepada individu yang disyaki telah menjadi radikal.

Jika dinilai perlu

- Berikan butiran sumber berdasarkan masyarakat yang relevan kepada individu prihatin, cth. RRG atau talian bantuan umum yang boleh dihubungi sekiranya memerlukan sokongan emosi atau psikologi (<https://www.gov.sg/article/call-these-helplines-if-you-need-emotional-or-psychological-support>).
- Anda juga boleh menghubungi individu prihatin lagi untuk bertanyakan khabar kerana dia mungkin berasa tertekan atau mengalami trauma selepas melaporkan rakan/ahli keluarganya sendiri.

Apakah pandangan para pengamal yang berpengalaman?

Ustaz Dr Mohamed Bin Ali, Pengerusi Bersama, RRG



Kepada individu prihatin:

Penyelidikan telah menunjukkan bahawa keluarga terdekat memainkan peranan utama dalam mencegah anak-anak daripada terus terjerumus ke dalam kancang radikalisme. Oleh itu, langkah melaporkan kes sedemikian perlu digalakkan dan difahami sebagai tindakan yang diambil demi kepentingan orang yang tersayang.



Kongsi pengalaman anda memulihkan individu yang radikal.

Melaksanakan pemulihan bagi individu yang telah menjadi radikal merupakan strategi yang penting dan berkesan bagi menangani ancaman ekstremisme pada masa ini.

Terdapat tiga langkah penting dalam metodologi kaunseling RRG. Pertama, melenyapkan pemikiran radikal dan salah tafsiran ajaran agama. Kedua, menggantikan ideologi negatif tersebut dengan ideologi yang betul. Akhir sekali, menerapkan nilai-nilai kesederhanaan dalam beragama, keamanan dan hidup secara harmoni dalam kalangan masyarakat yang berbeza di sini.

Apakah nasihat anda kepada individu prihatin yang teragak-agak untuk melaporkan kes radikal kepada pihak berkuasa?

Memperkasa keluarga dengan pemahaman agama yang betul akan membolehkan mereka mengesan dan mengatasi sebarang penyimpangan dalam tingkah laku dan pemahaman agama anak-anak mereka. Ekstremis sering menyembunyikan niat sebenar mereka di sebalik tabir agama. Oleh itu, penganut agama harus tangkas dan cukup arif untuk menemukan kebenaran dan tidak tunduk kepada ideologi ganas mereka.

Jika mengesyaki berlakunya radikalasi dalam keluarga, ibu bapa dan anggota keluarga lain akan membantu anak tersebut jika kes itu dilaporkan kepada pihak berkuasa seawal mungkin. Penyelidikan telah menunjukkan bahawa keluarga terdekat memainkan peranan utama dalam mencegah anak-anak daripada terus terjerumus ke dalam kancang radikalisme. Oleh itu, langkah melaporkan kes sedemikian perlu digalakkan dan difahami sebagai tindakan yang diambil demi kepentingan orang yang tersayang.

Keluarga memainkan peranan penting dalam kestabilan masyarakat. Mengukuhkan daya tahan anggota keluarga merupakan satu langkah besar ke arah memerangi ekstremisme dan mengurangkan pengaruhnya dalam masyarakat. Dengan membantu anggota keluarga yang menunjukkan tingkah laku di luar kebiasaan, ia akan banyak menolong mengurangkan ancaman ekstremisme ganas.

Apakah nasihat anda kepada pembaca kit sumber ini selaku orang rujukan bagi individu prihatin?

Dengan pemahaman bahawa unit keluarga merupakan barisan pertahanan pertama, usaha perlu dijalankan bagi mengurangkan cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa. Sebagai permulaan, usaha melengkapkan semua keluarga dengan instrumen untuk mengenal pasti tanda-tanda awal radikalasi mesti dilaksanakan. Ini kerana anggota keluarga lebih mampu mengesan tanda-tanda awal disebabkan hubungan yang rapat dengan orang tersayang.

Ustaz Ahmad Saiful Rijal Bin Hassan, Kaunselor, RRG

Jika seseorang meminta nasihat daripada anda tentang radikalasi yang disyaki:

Adalah penting untuk mendengar dengan penuh perhatian, menunjukkan rasa empati agar dapat memahami perspektif mereka, menyediakan ruang yang selamat untuk berbincang, dan menyediakan sumber yang relevan.

Kongsi pengalaman anda memulihkan individu yang radikal.

Pemulihan dalam bentuk kaunseling memerlukan tahap kesabaran yang tinggi serta pengetahuan yang relevan bagi menangani isu yang dihadapi oleh para tahanan. Kita mulakan dengan mengenali mereka dan memahami apa yang mendorong mereka menjadi radikal. Kemudian, kita akan tumpukan perbincangan kita kepada konsep ideologi seperti Jihad dan Khalifah.

Apakah nasihat anda kepada individu prihatin yang teragak-agak untuk melaporkan kes radikal kepada pihak berkuasa?

Adalah penting untuk mengemukakan kes sedemikian seawal mungkin bagi mencegah seseorang individu itu daripada menjadi semakin terpengaruh dengan ideologi pengganas. Keluarga atau rakan boleh merujuk kepada RRG jika mereka mempunyai sebarang keraguan.

Apakah nasihat anda kepada pembaca kit sumber ini selaku orang rujukan bagi individu prihatin?

Sesiapa pun boleh menjadi radikal. Adalah penting untuk mendengar dengan penuh perhatian, menunjukkan rasa empati agar dapat memahami perspektif mereka, menyediakan ruang yang selamat untuk berbincang, dan menyediakan sumber yang relevan.

Adakah terdapat kisah kejayaan dalam usaha pemulihian?

Ada sesetengah individu yang telah **berjaya dipulihkan dan dapat mengubah kehidupan mereka**. Kit sumber ini memaparkan dua contoh sedemikian. Anda juga boleh melayari <https://www.mha.gov.sg/isd/stay-in-the-know> untuk mengetahui lebih lanjut.



JAN 2020

Pelajar sekolah menengah berusia 17 tahun, "Daniel" (bukan nama sebenar), telah ditahan di bawah ISA.

- Dia telah menjadi radikal setelah seorang kenalan asing dalam talian mempengaruhinya agar menyokong ISIS.
- Dia amat mempercayai tujuan ganas ISIS dan sanggup membantu ISIS dengan kegiatan pengganasan, termasuk usaha propaganda dalam talian.

- ▶ ISD telah bekerja rapat dengan RRG dan ACG untuk memulihkan "Daniel" dan membetulkan ideologi radikalnya.



Sesi bulanan bersama kaunselor agama RRG untuk membantu "Daniel" meningkatkan pengetahuan agamanya.



Seorang pakar psikologi turut bekerjasama dengan "Daniel" untuk mengurangkan kerentanannya terhadap pengaruh radikal.



Mentor "Daniel", seorang kaunselor RRG, membimbingnya dalam menetapkan matlamat peribadi dan memberinya dorongan dalam proses pemulihannya.



Perancangan juga telah dibuat baginya untuk meneruskan pelajaran dan menduduki peperiksaan nasional semasa dalam tahanan. Dia telah menerima sokongan pembelajaran yang meluas daripada relawan RRG yang juga merupakan guru terlatih MOE, dan telah mencatat kemajuan besar dalam prestasi akademiknya.

2020

Dia meraih kepujian bagi empat daripada lima subjek dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran (GCE) Peringkat Normal (Teknikal).

2021

Dia telah lulus kesemua subjek yang didudukinya dalam Peperiksaan GCE Peringkat Normal (Akademik).

- ▶ "Daniel" menyambut baik usaha-usaha tersebut dan telah mencatat kemajuan yang ketara dalam pemulihannya. Dia juga bertambah rapat dengan anggota keluarganya yang kerap melawatnya semasa dalam tahanan dan menyokong pemulihannya.

JAN 2022

"Daniel" telah dibebaskan dengan Arahan Sekatan memandangkan kemajuan baik yang dicapainya semasa pemulihian. Sejak dibebaskan, dia telah berjaya menyertai kursus pengajian pilihannya di sebuah institusi pos-menengah.



MAC 2021



Seorang warga Singapura berusia 20 tahun yang telah menjadi radikal secara sendiri, Amirull, telah ditahan di bawah ISA.

- ▶ ISD telah bekerja rapat dengan RRG untuk memberi kaunseling kepada Amirull.



Seorang kaunselor RRG bertemu dengannya setiap bulan. Kaunselor tersebut membantu Amirull mempertingkatkan pengetahuan agamanya, dan mendakap pemahaman prinsip Islam yang pro-sosial. Hasilnya, Amirull telah meninggalkan kepercayaan radikalnya berhubung jihad bersenjata dan penggunaan keganasan.



Dia kini memandang jihad sebagai melakukan usaha seperti menjaga ibu bapanya, memperbaiki diri sendiri, serta menyumbang kepada masyarakat. Dia juga memahami perihal penting hidup berharmoni dengan masyarakat berlainan kaum dan agama di Singapura, dan menyemak kesahihan maklumat agama yang diraguinya dengan asatizah serta ulama yang diiktiraf di sini.

- ▶ Dia juga didampingi secara kerap oleh para pegawai kes ISD dan seorang pakar psikologi. Dia telah memahami bahawa seseorang itu boleh bersimpati dengan nasib mereka yang terperangkap dalam konflik, seperti konflik Israel-Palestin, namun kita tidak boleh sama sekali bertindak ganas atau mendukung keganasan demi mencapai penyelesaian.

Sesi kaunseling psikologi juga membantu Amirull mengukuhkan kemahiran pemikiran kritisnya dan kawalan emosinya, lantas mengurangkan kerentanannya terhadap pengaruh radikal.



- ▶ Semasa dalam tahanan, Amirull juga telah diberi akses kepada bahan pendidikan dan kemajuan diri dalam bentuk video dan artikel. Amirull berjaya membina identiti positif yang lebih jelas dan meraih kemahiran praktikal, seperti penetapan matlamat. Seorang sukarelawan RRG juga membimbang Amirull dalam mata pelajaran bahasa Inggeris setiap minggu bagi memungkinkan rancangannya untuk melanjutkan pelajaran.

- ▶ Amirull memberi respons yang baik semasa pemulihannya dengan sokongan meluas RRG serta keluarganya.

MAR 2023

Amirull telah dibebaskan dengan Arahan Sekatan memandangkan kemajuan baik yang dicapainya semasa pemulihannya.



Kami berharap kit sumber ini dapat membantu anda. Jika anda meragui sama ada anda harus bercampur tangan dalam kes radikalasi yang disyaki, ingatlah bahawa **pelaporan awal akan membantu individu tersebut mendapatkan bantuan, bimbingan dan kaunseling. Tindakan segera anda akan membantu menyelamatkan nyawa, termasuk nyawa individu radikal itu sendiri.**

Terima kasih atas peranan anda dalam memastikan Singapura selamat dan terjamin.

